



# MUZIUM ANATOMI MAYA

Zul Izhar Mohd Ismail, Anna Alicia Simok, Shamsi Amalina Shamsuddin, Muhamad Nor Firdaus Ab Rahman, Norhana Md Arshad

## ABSTRAK

Pembelajaran subjek Anatomi memerlukan akses kepada bahan sokongan PdP berbentuk fizikal. Namun, kekangan pembelajaran sendiri disebabkan faktor bilangan serta masa penggunaan bahan ini secara fizikal telah memberi inspirasi kepada Jabatan Anatomi, Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) untuk mewujudkan Muzium Anatomi Maya. Muzium ini bertujuan bagi menyediakan platform sumber rujukan dan bahan sokongan PdP berkaitan Anatomi manusia yang boleh diakses oleh pelajar secara maya. Gambar ruang muzium serta spesimen Anatomi telah didigitalkan, dilabel dan diberikan deskripsi ringkas. Bahan digital tersebut dimuatnaik ke dalam portal laman sesawang Jabatan Anatomi, PPSP, USM melalui kaedah 'plugins' bagi mewujudkan fungsi interaktif. Maklumbalas daripada pengguna menunjukkan bahawa 93.9% pengguna berasa teruja dalam melayari portal ini dan 79.2% pengguna berasa portal ini adalah mesra pengguna. Majoriti (90%) berpendapat portal ini amat sesuai untuk dikongsi dengan rakan. Lebih kurang 97.6% pengguna berpendapat bahan PdP di dalam portal ini adalah relevan dengan keperluan mereka. Hampir kesemua pengguna (99%) bersetuju bahawa kandungan bahan PdP di dalam portal ini adalah amat bermanfaat. Muzium Anatomi Maya telah berjaya menjenamakan USM dalam penyediaan platform interaktif bahan pembelajaran anatomi yang boleh diakses secara maya.

## OBJEKTIF

- Membangunkan platform capaian bahan sokongan PdP berbentuk maya dengan kos yang minimum.
- Menyediakan platform kepada pelajar dan komuniti luar USM bagi mengakses bahan berbentuk maya untuk tujuan penyebaran ilmu.
- Memastikan penyebaran dan perkongsian ilmu tanpa had dan sepanjang hayat.
- Mengoptimumkan penggunaan bahan serta mengurangkan risiko kerosakan bahan sokongan PdP.
- Memupuk minat masyarakat dalam mempelajari bidang sains perubatan

## NILAI TAMBAH

- Ini merupakan projek inovatif yang menggunakan teknologi terkini bagi menyediakan platform bahan sokongan PdP sedia ada secara maya dengan kos yang minimum.
- Bahan sokongan PdP fizikal boleh diakses pada sebarang masa dan tempat untuk pembelajaran sendiri pelajar.
- Bahan PdP berkaitan ilmu anatomi ini juga dapat disebar dan dikongsi dengan komuniti luar bagi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.


## KEBOLEHGUNAAN

- Portal Muzium Anatomi Maya boleh diakses tanpa had masa dan tempat untuk pembelajaran sendiri.
- Kandungan muzium maya ini adalah bahan sokongan PdP sedia ada yang relevan dengan kurikulum pengajaran subjek Anatomi kepada pelajar, khususnya pelajar perubatan.
- Platform ini berbentuk interaktif dan boleh dilayari dengan mudah serta mesra pengguna.

## POTENSI KOMERSIAL

- Potensi perolehan 'Intellectual property' bahan PdP.
- Peluang kolaborasi dengan institusi luar / rakan industri / syarikat
- Topik projek penyelidikan Program Siswazah
- Potensi topik untuk perolehan geran projek penyelidikan





## MAKLUMBALAS PENGGUNA



Pautan laman sesawang:  
<https://medic.usm.my/anatomy/museum/virtual-anatomy-museum>

## PENGIKTIRAFAN

- Pemenang Tempat Pertama, "Muzium Anatomi Maya", Pertandingan Kualiti Pusat Pengajian Sains Perubatan, USM, Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan, 12-13 Jun 2022.
- Pemenang Anugerah Perak, Digital Innovation Competition, 2nd International Conference on Teacher Education 2022, "Transforming The Traditional Into The Virtual Anatomy Museum", Kerajaan Negeri Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, 11 Oktober 2022.
- Pemenang Anugerah Emas, New Academia Learning Innovation 2022 Exhibition & Competition, "Empowerment of Digital Learning through the Virtual Anatomy Museum", Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, 4-6 Oktober 2022.



Zul Izhar Mohd Ismail  
Pusat Pengajian Sains Perubatan



Anna Alicia Simok  
Pusat Pengajian Sains Perubatan



Shamsi Amalina Shamsuddin  
Pusat Pengajian Sains Perubatan



Muhamad Nor Firdaus Ab Rahman  
Pusat Pengajian Sains Perubatan



Norhana Md Arshad  
Pusat Pengajian Sains Perubatan